1. Terdapat 3 isu Surat Berita JPKL dalam tahun 1998. Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur berpendapat bahawa oleh kerana tidak ada forum yang berpatutan untuk ahli-ahli Bar Kuala Lumpur meluahkan dan membentang pendapat mereka, maka Surat Berita JPKL akan memberi peluang untuk ahli-ahli berbuat demikian bila perlu. Dengan bermatlamatkan ini, peranan Surat Berita ini telah diperluaskan supaya ianya bukan sahaja menjadi satu bahan yang melapurkan Arahan Amalan, Surat Pekeliling dan aktiviti-aktiviti tertentu Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur, tetapi juga satu saluran perhubungan dan interaksi di kalangan ahli-ahli sekitar Kuala Lumpur ini. Nampak jelas bahawa ini adalah satu ramuan yang berjaya dan telah menerima sokongan dan sanjungan bukan sahaja dari peguam-peguam di Kuala Lumpur malah juga dari mereka di luar ibukota.
2. Di antara tajuk-tajuk yang diliputi oleh Surat Berita ini adalah kebebasan kehakiman, penghinaan mahkamah, hak asasi manusia dan amalan guaman secara am. Turut dilapurkan juga adalah perjumpaan yang diadakan dengan pegawai-pegawai kehakiman di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Perjumpaan dengan badan-badan berkanun tertentu juga dilapurkan supaya ahli-ahli dapat dimaklumkan secara terperinci langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa demi untuk memudahkan amalan ahli-ahlinya di Bar Kuala Lumpur.
3. Sesungguhnya kami percaya bahawa Surat Berita ini bukan sahaja menghiburkan tetapi bermaklumat dengan memberitahu ahli-ahli tentang perkembangan semasa di Badan Peguam.
4. Ingin saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur, khususnya, Pengerusinya, Encik Dennis Appaduray dan Setiausaha Kehormatnya, Cik Yasmeen Shariff di atas segala bantuan, pertolongan dan cadangan mereka. Juga tidak lupa Setiausaha Eksekutif, Cik Mary Tan dan pasukan handalan di Sekretariat. Akhir kata, adalah diharapkan bahawa penglibatan dan sumbangan oleh ahli-ahli Bar Kuala Lumpur akan meningkat lagi. Ingat, ini ialah Surat Berita anda.

## SOSIAL & PERHUBUNGAN AWAM

Pengerusi: Cik Yasmeen bt Hj Muhamad Shariff

Ahli-ahli: Cik Bahma Sivasubramaniam  
Encik Oommen Koshy  
Cik Jayalechumi Rajaretnam

### 1. Majlis Makan Malam & Tari Menari Tahunan

Tahun ini, Bar Kuala Lumpur telah mengadakan Majlis Makan Malam dan Tari Menari Tahunan pada 31.10.1998 di Hotel Legend, Kuala Lumpur. Walaupun menghadapi kegawatan ekonomi, Majlis ini telah diberi sambutan meriah oleh kedua-dua pihak Kéhakiman dan Bar. Hadir juga di Majlis ini ialah anggota-anggota Jawatankuasa Majlis Peguam, Pengerusi-pengerusi Mahkamah Perusahaan, Ketua Badan-badan Professional dan Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Tempatan.

Juruacara pada malam tersebut, Cik Bahma Sivasubramaniam, terpaksa menggunakan segala kepintarannya menjemput para jemputan mengambil tempat masing-masing kerana mereka begitu seronok berbual di lobi hotel sebelum jamuan makan malam dimulakan. Malam tersebut menyaksikan kembalinya ke pentas kumpulan "Reluctant Performers (RPs)" atau beberapa pasangan ahli-ahli lama dengan gabungan muka baru. Dengan melengkapkan diri mereka dengan hal-hewal semasa, kumpulan "RPs" ini telah menggamatkan majlis dengan lagu-lagu yang terkenal dipersembahkan dan diadunkan dengan pengisian "satire". Persembahan induk pada malam tersebut sekali lagi persembahan "Comedy Court" yang berjaya sekali lagi mencuit hati para jemputan dengan lawak-jenaka mereka. Jika diperhatikan dengan cara mereka bergelak ketawa jelas para jemputan begitu tertarik dengan persembahan mereka.

Pada malam tersebut juga, Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur telah memberi penghormatan kepada tiga (3) orang Hakim yang telah bersara dalam setahun kebelakangan ini. Kata-kata sanjungan telah diberi kepada YA Tan Sri Dato' Hj Mohd Azmi bin Dato' Hj Kamaruddin, YA Dato' Peh Swee Chin dan YA Dato' Mahadev Shankar terhadap sumbangan mereka kepada perkembangan undang-undang di dalam negeri ini. Beberapa cenderamata juga telah dihadiahkan kepada ketiga-tiga Hakim berkenaan.

Kali ini hadiah-hadiah untuk cabutan bertuah telah disumbangkan oleh Hotel Legend dan pihak Jawatankuasa ingin merekodkan di sini ucapan terima kepada Hotel berkenaan di atas sifat murah hati mereka. Jawatankuasa ini juga ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap dan tiap-tiap mereka yang telah membantu menjayakan majlis ini.

### 2. Kempen Menderma Darah 1998

Dua (2) Kempen Menderma Darah telah diadakan pada tahun 1998 ini.

Kempen pertama telah diadakan pada 26.6.1998 dengan Hospital Universiti. Lebih kurang 60 orang peguam telah hadir untuk menderma darah tetapi hanya 48 orang sahaja yang berjaya (yang lain tidak diperkenankan kerana sebab-sebab kesihatan). Hampir semua dari 48 orang ini adalah terdiri dari mereka yang regular yang sentiasa tampil ke hadapan tanpa ragu-ragu untuk menyokong kempen ini.

Kempen kedua telah diadakan pada 20.11.1998 dengan Pusat Perubatan Subang bagi menggantikan Hospital UKM seperti mana dirancangkan. Apa yang berlaku ialah pihak Perhubungan Awam Hospital UKM telah ditukar dan pihak yang menggantikan tidak diberitahu tentang persediaan pada 20.11.1998 itu. Dengan bantuan Bulan Sabit Merah dan Tabung Darah Hospital Besar Kuala Lumpur, Pusat Perubatan Subang telah tampil kehadapan membantu kami dengan kerja-kerja menderma darah. Waktu untuk menderma darah tersebut telah ditukarkan dari jam 10:00 pagi – 6:00 petang kepada 9:00 pagi – 2:00 petang. Akibat dari itu hanya 23 peguam sahaja yang datang menderma darah.

Pihak Jawatankuasa mengambil kesempatan ini mengucapkan kepada semua ahli-ahli yang prihati yang telah tampil untuk menderma darah dan juga mereka yang lain yang tampil tetapi tidak berjaya melakukannya atas alasan kesihatan.

### 3. Perjumpaan

- 3.1 Sepanjang tahun dalam kajian, Jawatankuasa ini telah membuat kunjungan hormat kepada mereka di bawah ini:

i. Ketua Hakim Negara	- 24.4.1998
ii. Presiden Mahkamah Rayuan	- 24.4.1998
iii. Hakim Besar Mala	- 2.6.1998
iv. Ketua Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara	- 5.6.1998
v. Ketua Bahagian Sivil, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur	- 18.7.1998
vi. Ketua Bahagian Perdagangan, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur	- 18.7.1998
vii. Ketua Polis Kuala Lumpur	- 12.8.1998

Perjumpaan-perjumpaan ini telah diadakan dalam suasana saling menghormati dan akrab dan walaupun ia merupakan kunjungan hormat sahaja namun apabila berkesempatan perkara penting yang dihadapi oleh ahli-ahli kita telah dibincangkan dan penyelesaiannya dicadangkan demi untuk menwujudkan hubungan kerja yang baik di antara dua pihak. Keputusan yang telah diambil itu yang membabitkan ahli-ahli telah diedarkan kepada semua.

- 3.2 Selain dari kunjungan hormat, mesyuarat telah juga diadakan dengan mereka di bawah ini:

i. Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret dan Pegawai-Pegawai di Mahkamah Sesyen dan Majistret Kuala Lumpur.
ii. Pegawai-Pegawai Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara.
iii. Bahagian Jenayah Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah berserta dengan wakil-wakil dari Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam dan Pegawai Pendakwa.

Minit-minit mesyuarat ini telah dan akan disiarkan di Surat Berita JPKL sewaktu bila ia siap.

- 3.3 Jawatankuasa ini juga menghadiri mesyuarat-mesyuarat dengan mereka di bawah ini atas jemputan Jawatankuasa Peguam Selangor:

i. Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, Pendaftar dan Pegawai Kanan Mahkamah Rendah Shah Alam.
ii. Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, Pendaftar Mahkamah Klang dan Majistret Mahkamah Kuala Selangor dan Telok Datuk.
iii. Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, Pendaftar dan Pegawai Kanan semua Mahkamah di Selangor.

Perkara-perkara yang telah dibincangkan itu telah diedarkan untuk maklumat kepada ahli-ahli Bar Kuala Lumpur.

- 3.4 Pihak Jawatankuasa juga telah menghadiri mesyuarat di Pejabat Tanah Shah Alam berserta dengan Kumpulan Berkepentingan Bahagian Konveyansing/Perbankan.

- 3.5 Pengurus Jawatankuasa ini juga telah menghadiri beberapa mesyuarat dengan anggota-anggota Kehakiman atas jemputan Majlis Peguam.

- 3.6 Beberapa mesyuarat yang tidak formal telah juga diadakan dengan pihak Berkusa untuk membincangkan hal-hal kepentingan bersama dan masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli. Pengurus Jawatankuasa ini juga telah menyarankan supaya satu "Jawatankuasa Kerja" dengan Mahkamah Tinggi dan Rendah diwujudkan untuk menangani masalah harian dan pihak Mahkamah sedang dalam proses menyiapkannya.

- 3.7 Pihak Jawatankuasa masih mencuba, sebelum berakhirnya penggal mereka, untuk mengadakan mesyuarat dengan beberapa Badan yang lain (khususnya dengan semua Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur) yang dengan mereka ahli-ahli berhadapan setiap hari supaya dapat mengwujudkan dan meneruskan satu perhubungan kerja yang rapat.

## SUKAN

### 1. Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil

Jawatankuasa kecil sukan terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Pengerusi : Encik Oommen Koshy  
Ahli-ahli : Encik Roy Rajasingham  
Cik Low Beng Choo  
Encik Rueben Mathiavararam

### 2. Konvenor-konvenor

Konvenor-konvenor berikut telah dilantik untuk membantu Jawatankuasa kecil Sukan dalam mengadakan acara-acara tersebut:

- |                  |   |                              |
|------------------|---|------------------------------|
| i. Athletics     | - | Encik Subramaniyan Nambiar   |
| ii. Badminton    | - | Encik Arthur Wang            |
| iii. Kriket      | - | Encik M Sanjay               |
| iv. Baling Damak | - | Encik Koh Yew Chong          |
| v. Golf          | - | Encik David Hoh              |
| vi. Hoki         | - | Encik Anand Ponnudurai       |
| vii. Bolajaring  | - | Cik Karen Kaur Bal           |
| viii. Bolasepak  | - | Encik Jeyakumar Palakrishnar |
| ix. Skuash       | - | Cik Jayne Koe                |
| x. Ping-Pong     | - | Encik Alex Tan               |
| xi. Tenis        | - | Encik Faizal Razak           |
| xii. Bolatampar  | - | Encik Wan Nadhri             |

### 3. Siri Tahunan

#### 3.1 *Sukan Tahunan Antara Bar KL/Perak*

(Piala Pusingan disumbangkan oleh YA Ong See Seng)

Siri ini masih belum lagi diadakan. Telah dicadangkan kepada Bar Perak dan Penang supaya siri tiga pihak diadakan atau Bar Perak dan Penang bergabung menentang Kuala Lumpur. Adalah diharapkan Jawatankuasa Sukan yang baru nanti akan meneruskan dengan cadangan ini.

#### 3.2 *"Karnival Sukan" Ke-11 – Bar KL Iwn RSC*

(Piala Pusingan disumbangkan oleh YA Tan Sri Dato' Harun Hashim)

Siri ini akan diadakan pada 27.2.1999.

#### 3.3 *Pertandingan Golf Antara Bar KL/ Selangor Kali Pertama*

(Piala Pusingan disumbangkan oleh Encik Kandiah Chelliah)

Siri Pertandingan Golf yang pertama ini telah diadakan di Palm Garden Golf Course di Bangi pada 26.6.1998. Siri ini dimenangi oleh Bar Selangor. Adalah disyorkan sukan-sukan lain patut dipertandingkan juga dalam siri ini. Adalah diharap Jawatankuasa Sukan yang akan datang akan mengambil tindakan susulan terhadap saranan ini.

### 4. Pertandingan-Pertandingan Terbuka/Tertutup Bar KL

#### 4.1 *Karnival Sukan Pertama Bar Kuala Lumpur (6.9.1998)*

Karnival Sukan Bar Kuala Lumpur yang pertama telah diadakan di Institut Penyelidikan Perhutanan di Kepong. Seramai lebih kurang 200 peserta dan penyokong telah hadir. Untuk kali pertama, pertandingan untuk merebut piala-piala pusingan telah diadakan pada

hari yang sama. Kesemua lapan (8) jenis sukan telah diadakan dan keputusan-keputusan pertandingan itu adalah seperti berikut:

i. **Mini Marathon Bar KL Ke-4**

Johan : R Ravindran  
Naib Johan : Suria Kumar DJ Paul

ii. **Pertandingan Badminton Bar KL Ke-6**

**Bergu Lelaki** (Piala Pusingan disumbangkan oleh Shook Lin & Bok)

Johan : Kelvin Kong & Chia Wen Chow

Naib Johan : Francis Ng & Alvin Loo

Pemenang acara Plate : A I Nathan & V Stanislaus

**Bergu Campuran** (Piala Pusingan disumbangkan oleh Encik R Rajeswaran)

Johan : Pushpa Ramalingam & Chia Wen Chow

Naib Johan : Lim Leong Lang & S Shanker

iii. **Pertandingan Bolajaring Bar KL Ke-2**

(Piala Pusingan disumbangkan oleh Cik Low Beng Choo)

Johan : The Seniors

iv. **Pertandingan Bolasepak Piala Memorial Thayalan 7-Sebelah Ke-11**

(Piala Pusingan disumbangkan oleh Skrine & Co)

Johan : AB FC

Naib Johan : Zahir Jeya

v. **Pertandingan Skuash Bar KL Ke-5**

(Piala Pusingan disumbangkan oleh Encik V Sivaloganathan)

Johan : Kingston Tan

Naib Johan : Eugene Yapp

vi. **Pertandingan Ping-Pong Bar KL**

**Perseorangan Lelaki**

Johan : Hamedi Halmi bin Azizi

**Perseorangan Veteran**

Johan : Vernon Ong

vii. **Pertandingan Tenis Bar KL Ke-4**

**Bergu Lelaki**

Johan : Faizal Razak & Mohd Zekri Ibrahim

Naib Johan : Goh Toh Jen & Vong Poh Fah

**Bergu Campuran**

Johan : Goh Sen Fong & Goh Toh Jen

viii. **Pertandingan Bolatampar Bar KL Ke-4**

(Piala Memorial R Ponnudurai disumbangkan oleh Encik Anand Ponnudurai)

Johan : Pasukan Wan Nadhri

Naib Johan : Logan Sabapathy & Co

4.2 **Pertandingan Golf Tertutup Bar KL Ke-5 (11.9.1998)**

**Gross Terbaik** (Piala Pusingan disumbangkan oleh Mendiang Encik Edmund Yong)

Johan : Dato' Bobby Ong

Naib Johan : Harpal Singh

**Nett Terbaik (Piala Pusingan disumbangkan oleh Encik S Y Chan)**

Johan : Abdul Razak Hashim  
Naib Johan : Christopher Leong

**4.3 Pesta Bolasepak & Bolatampar Pantai Bar KL Ke-2 (22.11.1998 & 23.11.1998)**

Pesta Bolasepak dan Bolatampar Pantai Bar KL kali Kedua telah diadakan sekali lagi di Bayu Beach Resort, Port Dickson. Pesta tahun ini telah disertai oleh 200 peserta dan penyokong. 11 pasukan bolasepak dan 15 pasukan bolatampar telah bertanding.

Majlis makan malam secara BBQ telah diadakan pada malam pertama dan cabutan bertuah telah dihadiahkan kepada peserta yang bernasib baik.

Pesta tahun ini amat berjaya seperti yang lepas dan kami berharap dapat mengadakan Pesta yang lebih besar dan meriah tahun depan. Setelah bermain di pantai barat selama dua (2) tahun berikutnya, adalah dicadangkan bahawa Pesta selepas ini dipindahkan ke pantai timur (mungkin di Cherating). Adalah diharap supaya Jawatankuasa Sukan yang akan datang dapat mengambil tindakan susulan terhadap saranan ini.

Keputusan adalah seperti berikut:

i) **Bolasepak Pantai (Piala Pusingan disumbangkan oleh David Lingam & Co)**

Johan : Cheang & Ariff  
Naib Johan : AOK

ii) **Bolatampar Pantai (Piala Pusingan disumbangkan oleh Cheang & Ariff)**

Johan : AOK  
Naib Johan : Pasukan Wan Nadhri

Oleh kerana kekurangan sambutan dan/atau ketiadaan tempat, pertandingan berikut tidak dapat diadakan:-

- i. Pertandingan Kriket antara Berkahwin dengan Bujang
- ii. Pertandingan Baling Damak Tertutup Bar KL Ke-4

**5. Upacara Penyampaian Hadiah Sukan**

Pemenang pelbagai Pertandingan Tertutup/Terbuka telah menerima hadiah masing-masing pada Upacara Penyampaian Hadiah yang telah diadakan pada 12.2.1999.

**6. Anugerah Sukan Bar Kuala Lumpur**

Encik Collin Sequerah telah dinamakan penerima "Anugerah Sukan Bar Kuala Lumpur 1998" dan beliau telah menerima anugerah ini pada Upacara Penyampaian Hadiah tersebut diatas.

**7. Ucapan Terima Kasih**

Jawatankuasa berniat untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua konvenor yang mengorbankan masa dan tenaga dalam menganjurkan acara masing-masing. Jawatankuasa juga berterimakasih kepada semua penyumbang piala pusingan bagi sumbangan ke arah kejayaan pelbagai Pertandingan. Akhirkata Jawatankuasa berterimakasih kepada semua ahli-ahli yang bersemangat kesukuan yang tinggi itu bagi penyertaan dan sokongan mereka yang mana telah menyumbang kepada satu lagi musim sukan yang berjaya.

## BANTUAN GUAMAN

### AHLI JAWATANKUASA 1998

Encik Sivarasa Rasiah (Pengerusi)  
Cik Jayalechumi Rajaretnam (Setiausaha Kehormat)  
Encik Allan Wong (Pengurus Pejabat)  
Encik Dennis Appadurai  
Cik Yasmeen Haji Shariff  
Puan Hendon Haji Mohamed  
Encik Cecil Rajendra  
Encik Hamid Sultan Abu Backer  
Encik Lee Swee Seng  
Encik M Puravalen  
Encik Nahendran Navaratnam  
Encik S. Balasubramaniam  
Encik Charles Hector  
Encik Francis Pereira  
Encik Joseph Mathews  
Puan Khaliza Khalid  
Encik Kitson Foong  
Cik Leena Ghosh  
Encik Ngooi Chui-Ing  
Encik R. Kesavan  
Encik Fakhrul Azman  
Puan Sharmini Thiruchelvam  
Encik N. Surendran  
Cik Salbiah Ahmad

### PENGENALAN

Tahun 1998 adalah tahun yang amat sibuk. Jumlah pemohon-pemohon di klinik-klinik kami juga telah bertambah sebanyak dua kali ganda. Klinik-klinik bantuan guaman turut telah dilancarkan. Kejadian-kejadian baru yang telah berlaku menyebabkan permintaan yang tidak putus-putus untuk bantuan guaman. Sistem penyeliaan baru juga telah dimulakan dengan penuh semangat. Secara ringkasnya, pusat ini telah menjadi pusat aktiviti yang bertenaga.

Dengan sumber yang terhad, kami telah mencuba untuk menangani berbagai cabaran sebaik mungkin. Sekarang ialah masa untuk menilai pencapaian kami.

Justeru itu, laporan ini bertujuan untuk menghuraikan secara ringkas segala aktiviti-aktiviti kami sepanjang tahun lepas dan seterusnya bertujuan untuk menilai sejauh mana pencapaian kami ke arah mencapai matlamat yang telah kami tetapkan tahun lepas.

Saya telah menghuraikan Seksyen A, D, E dan F. Seksyen-seksyen B dan C adalah laporan-laporan dari pelbagai projek yang telah dikemukakan oleh ketua-ketua projek yang berkenaan.

## A. KESELURUHAN


Pusat ini telah menjalankan aktiviti-aktiviti publisiti sepanjang tahun lepas. Kami ingin menjadikan masyarakat agar menjadi lebih peka dan mendekati diri mereka terhadap perkhidmatan kami. Pada mulanya kami mempromosikan perkhidmatan kami di dalam media bahasa Inggeris tetapi telah segera mendapat bahawa kami tidak dapat mendekati kumpulan sasar, iaitu golongan miskin. Kami kemudian menumpukan perhatian kami kepada media venikular dan ini telah membawa hasil yang agak memberangsangkan. Cuma satu artikel di dalam harian berbahasa Cina dan dua siaran temu bual di dalam bahasa Tamil, satu menerusi siaran radia dan satu lagi menerusi television, bersama-sama dengan kemasukan yang berterusan di dalam semua akhbar-akhbar venikular telah menghasilkan keputusan yang diharapkan. Pusat ini juga telah menghasilkan satu poster yang baru untuk Pusat yang akan digunakan oleh kami untuk mempromosikan khidmat-khidmat kami yang seterusnya.

Pusat telah juga mengembangkan perkhidmatan-perkhidmatannya terutamanya sepanjang tahun lepas. Klinik Penjara Sg Buloh yang telah lama ditunggu-tunggu akhirnya telah dilancarkan dan sekarang dikendalikan bersama klinik-klinik dan program-program kami yang lain. Dan terdapat "Urgent Arrest Task Force" yang telah bermula dengan nada rendah pada pertengahan tahun dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan berikutnya dengan demonstrasi besar jalanan yang dikuti dengan penangkapan beramai-ramai. Semenjak itu ia telah menjadi program yang terbesar yang dikendalikan oleh Pusat ini dari segi peguam-sukarela yang terlibat. Peguam-peguam yang terlalu ramai untuk dinamakan di sini, layak untuk mendapat pujian kerana iktizam untuk menegakkan kedaulatan undang-undang yang telah ditunjukkan di dalam keadaan-keadaan yang amat mencabar.

Selepas daripada semua ini, apabila dirumuskan, berapa ramaikah bilangan yang telah dibantu oleh Pusat ini? Di dalam tahun 1998, secara keseluruhan di semua klinik, Pusat ini telah membantu sejumlah 6142 orang. Di bawah ini disenaraikan pecahan berpandukan klinik-klinik yang berkenaan:

Bilangan Individu Yang Dibantu Pada 1998	No.
Klinik LAC	1955
Program Dock Brief	2673
Klinik Penjara Sungai Buloh	589
Klinik Syariah	10
Projek Bantuan Urgent Arrest	509
<i>Klinik Luar ("Outreach")</i>	406
LAC/AWAM Legal Information Service	44
LAC's Migrant Workers Clinic	337
LAC/PT/IKHLAS Clinic	25
<b>TOTAL</b>	<b>6142</b>


**PECAHAN PEMOHON-PEMOHON YANG DIBANTU  
DALAM TAHUN 1998**



Daripada kesemua ini, sejumlah 3485 fail telah dibuka iaitu kes-kes yang memerlukan kehadiran dan representasi di mahkamah. Adalah menarik perhatian bahawa sejumlah besar daripada kes-kes tersebut adalah kes-kes jenayah, akibat daripada sebahagiannya kerana pelancaran Program Sg Buloh dan "Urgent Arrest Task Force" yang dijelaskan secara terperinci di dalam laporan ini. Lihat di bawah untuk pecahan terperinci.

<b>PERKARA</b>	<b>BILANGAN FAIL YANG DIBUKA</b>
Jenayah	3346
Keluarga	74
Syariah	12
Pekerjaan	18
Lain-lain	35
Pencen (2)	
Konsumeri (7)	
Perumahan (6)	
Immigrasi (2)	
Kemalangan Perindustrian (14)	
<b>Jumlah</b>	<b>3485</b>

**PECAHAN MENGIKUT FAIL-FAIL YANG DIBUKA  
(YANG MEMERLUKAN PEWAKILAN DI MAHKAMAH)**



Sementara jumlah sebenar kes-kes yang memerlukan representasi adalah penting, sama pentingnya untuk dilihat bahawa jumlah kes sahaja bukanlah ukuran yang sebenar bagi usaha-usaha yang telah dilaksanakan. Sebagai contoh, perbicaraan-perbicaraan sekumpulan orang yang telah ditangkap di demonstrasi jalan-jalan telah dikendalikan dan diseliakan secara terus di Pusat ini iaitu penyediaan arahan guaman, nota-nota prosiding, dsbnya yang merupakan tanggungjawab yang sangat berat. Juga, sementara satu daripada kes-kes ini akan dikira sebagai satu fail di dalam statistik LAC, ia mungkin melibatkan seramai 20 orang peguam-pegawai dan usaha-usaha yang berharian lamanya daripada kakitangan LAC.

Adalah juga penting untuk dilihat bahawa apabila kes-kes tidak memerlukan representasi di mahkamah, bantuan lain yang diberikan adalah juga sama pentingnya. Wanita-wanita yang didera telah ditemani ke balai-balai polis dan Jabatan Kebajikan, peguam-pegawai dan peguam pelatih telah berkhemah di luar Jabatan-jabatan Imigresen untuk mengesahkan dokumen-dokumen yang diperlukan. Laporan jawatankuasa kecil telah menyenaraikan butir-butir bantuan yang diberikan.

Adakah terdapat lebih lagi sukarelawan?

Peguam-pegawai pelatih adalah merupakan tulang-belakang kebanyakan perkhidmatan. Di dalam tahun 1998, sejumlah 742 peguam-pegawai pelatih telah terlibat di dalam pelbagai klinik-klinik dan program-program. Sejumlah besar usaha telah dibuat untuk menguruskan peguam-pegawai pelatih ini ke klinik-klinik, menyediakan latihan-latihan yang berkenaan dan juga penyeliaan.

Kehadiran peguam-pegawai telah menjadi lebih menonjol di Klinik Pusat Bantuan Guaman, Klinik Penjara Sg Buloh, LAC/Perkhidmatan Maklumat Perundangan AWAM, LAC/Ikhlas/Pink Triangle dan "Urgent Arrest Task Force".

Kami ingin merakamkan di sini penghargaan kepada sukarelawan-sukarelawan yang telah menyahut seruan pekeliling-pekeliling kami yang telah dihantar kepada kesemua ahli-ahli Majlis Peguam Kuala Lumpur. Dengan proses latihan yang spesifik kepada klinik-klinik guaman masing-masing, kami telah dapat

mengadakan jadual penyelia-penyejia. Ini telah memanfaatkan Pusat kerana kekurangan penyeliaan yang tidak disenangi oleh kami dalam laporan terdahulu sebahagian besarnya telah ditangani dengan baik.

Program ini masih jauh belum sempurna dengan sukarelawan-sukarelawan yang tidak hadir dan kekosongan dalam jadual tetapi sekurang-kurangnya mekanisme asas telah diadakan. Kami berharap dengan masa dan lebih ramai sukarelawan yang tampil akan dapat mengurangkan klien yang tidak berpuas hati.

Bercakap tentang sumber sukarelawan, walaupun memberangsangkan untuk kami menerima sukarelawan-sukarelawan yang baru, adalah sama juga merunsingkan untuk melihat sambutan awal yang dingin kepada pekeliling-pekeliling kami daripada ahli-ahli Majlis Peguam Kuala Lumpur yang berjumlah 4000 orang. Hanya 55 orang yang menyahut seruan pekeliling tersebut pada tahun lepas. Sekiranya lebih ramai lagi yang menyahut seruan pekeliling, ini akan meringankan beban yang ada di bahu sukarelawan-sukarelawan yang ada dan akan mengurangkan kemungkinan mereka hilang minat ("burnt out").

Tetapi adalah memberangsangkan untuk melihat bahawa maklumbalas kepada "Urgent Arrest Task Force" yang telah dilaksanakan selepas terjadinya peristiwa politik. Terdapat banyak penambahan sukarelawan-sukarelawan berikutkan hari-hari hujung minggu yang penuh cabaran di balai polis dan perbicaraan reman di pagi Ahad. Kepada sukarelawan-sukarelawan yang telah menyertai kami di masa-masa yang mencabar ini, kami memanjangkan rasa penghargaan yang mendalam. Ke hari ini, UA Task Force telah berjumlah seramai 110 sukarelawan. Kami amat berharap supaya sukarelawan-sukarelawan baru akan masih bersama kami setelah semua kekecohan berakhir.

Berkenaan dengan sukarelawan-sukarelawan yang mengendalikan kes-kes di mahkamah, walaupun terdapat tambahan, jumlahnya masih tidak memberansangkan, cuma berjumlah 216 sukarelawan. Setelah ditambah jumlah-jumlah sukarelawan lain, yang membantu di dalam latihan, yang menyelia peguam-pegawai pelatih dan menyediakan perkhidmatan nasihat, LAC mempunyai seramai lebih/kurang 400 sukarelawan. Jumlah ini masih terlalu rendah jika dibandingkan dengan 4405 peguam di Majlis Peguam Kuala Lumpur setakat Disember 1998. Apabila dilihat kepada 6142 orang yang dibantu oleh Pusat dalam tahun 1998, adalah nyata bahawa 400 peguam-pegawai ini bersama-sama dengan peguam-pegawai pelatih Kuala Lumpur telah mengambil sebahagian sahaja daripada tugas awam Majlis Peguam.

### **Bolehkah firma-firma besar membantu dengan lebih lagi?**

Apa yang sangat-sangat merisaukan ialah penglibatan yang sangat dingin dari firma-firma guaman yang lebih besar. Statistik LAC telah menunjukkan hanya 2 firma-firma besar dengan saiz 10 orang peguam atau lebih yang mengendalikan lebih dari 10 fail untuk LAC. Namun demikian, sekurang-kurangnya 20 firma-firma yang lebih kecil mengendalikan lebih daripada 10 fail.

Adalah menjadi perhatian kami bahawa 3 firma-firma besar dalam profesion ini dengan jumlah lebih kurang 200 peguam hanya mengendalikan 21 fail di LAC. Sejumlah firma di dalam lengkungan sederhana kepada besar dengan lebih kurang 20 orang peguam mengendalikan cuma lebih kurang 2 hingga 5 fail setiap satu.

Kami membuat kenyataan di atas cuma kerana Pusat ini amat memerlukan bantuan. Jumlah orang yang memohon bantuan kami bertambah dengan setiap bulan. Peguam-pegawai pelatih perlu membuat kerja-kerja bantuan guaman di bawah penyeliaan - dengan itu, keperluan bagi penyeliaan berterusan adalah diperlukan. Jumlah sukarelawan-sukarelawan tidak bersamaan dengan kenaian yang mendadak dari segi jumlah pemohon-pemohon dan akibatnya sentiasa memaksa kami untuk memohon bantuan sukarelawan yang sama berulang-kali. Kami dengan itu amat terdesak. Kami ingin menyelaraskan klinik-klinik kami yang ada dan mengembangkan perkhidmatan ke klinik-klinik yang baru tetapi kami tidak dapat berbuat demikian jika jumlah sukarelewan tidak bertambah.

### **Satu Rayuan**

Dengan itu, kami merayu kepada rakan-rakan kongsi, terutama rakan-rakan kongsi kanan firma-firma bersaiz sederhana kepada besar supaya memberi sokongan yang lebih lagi kepada LAC. Kami mencadangkan satu sumbangan yang munasabah kepada LAC daripada firma untuk mengendalikan kes-kes dengan nisbah 1 peguam kepada 1 fail. Kami sedar bahawa bukan semua peguam dalam firma mahu membuat kerja-kerja bantuan guaman namun demikian kami memohon supaya firma memberi sumbangan bantuan guaman

melihat kepada firma keseluruhannya. Benarkanlah peguam-peguam yang cenderung untuk memberi bantuan guaman agar dapat berbuat demikian tanpa halangan. Juga, tolong pastikan bahawa bantuan guaman diberikan dengan taraf profesionalisme yang sama seperti yang diberikan oleh sesebuah firma bagi klien-klien yang membayar.

Peguam-peguam yang tidak cenderung kepada kerja-kerja litigasi boleh juga memberi bantuan guaman. Terdapat kerja yang banyak, maka dari segi pemahaman perundangan dan kerja-kerja nasihat untuk dilakukan. Sumbangan boleh juga diberikan kepada peguam-peguam pelatih. Mereka boleh juga membantu kepada perkara yang tidak melibatkan proses mahkamah. Mereka juga boleh bekerja dalam hubungan peguamcara-peguambela dengan peguam LAC yang lain yang mengendalikan kes ke mahkamah.

Dengan itu, peguam-peguam yang tidak cenderung kepada litigasi, firma boleh memberi bantuan guaman dalam bentuk sesi-sesi nasihat, latihan dan bentuk lain yang boleh dibincangkan dengan LAC.

Dengan kumpulan sukarelawan kami yang sekarang, kami telah mengenalpasti keperluan bagi mengekalkan dalam jangkamasa panjang. Perancangan untuk tahun depan, dengan itu merangkumi program-program motivasi untuk sukarelawan kami.

## B. LAPORAN DARI AHLI JAWATANKUASA

### KLINIK PUSAT BANTUAN GUAMAN

Laporan oleh Ketua Projek, Cik Jayalethumi Rajaretnam

#### Ahli-Ahli Jawatankuasa

Puan Hendon Haji Mohamad

Encik S. Bala Subramaniam

Encik Anil Joshi

Encik Ong Chin Siong

Pusat Bantuan Guaman (LAC) adalah sebuah klinik yang dikendalikan oleh 29 orang pelatih dalam kamar. Setiap pelatih dalam kamar berkhidmat di klinik LAC selama 3 jam setiap minggu untuk tempoh selama 3 bulan. Antara tanggunjawab yang dipikul oleh pelatih-pelatih dalam kamar semasa berkhidmat di klinik LAC termasuk menemuramah anak-anakguam yang datang secara sendiri; menjalankan ujian-ujian kelayakan mendapatkan bantuan guaman, menemuramah anak-anakguam berhubung masalah yang dihadapi oleh mereka, memberi nasihat undang-undang jika perlu dan arahan untuk membuka fail-fail di mana perkhidmatan guaman diperlui.

- Semenjak laporan yang terakhir, pada 9 Mac 1998 klinik LAC telah membuka pintunya kepada orang ramai setiap hari Isnin sehingga hari Sabtu mulai jam 10:00 pagi sehingga 4:00 petang.


Pelatih-pelatih dalam kamar diberi latihan selama satu hari sebelum mereka memulakan perkhidmatan mereka di klinik LAC. Latihan tersebut merangkumi cara-cara menjalankan ujian kelayakan mendapatkan bantuan guaman, cara-cara menemuramah anak-anakguam dan beberapa aspek utama undang-undang keluarga, pekerjaan dan jenayah yang merupakan tumpuan utama perkhidmatan guaman yang diberi oleh klinik LAC. Ceramah berkenaan perkembangan undang-undang yang terbaru dalam topik-topik tersebut diberi oleh para peguam yang masing-masing beramal menurut kepakaran masing-masing. Sesi lakonan juga dimasukkan ke dalam program latihan supaya pelatih-pelatih dalam kamar lebih memahami aspek-aspek praktikal dalam memberi nasihat kepada anak-anakguam berhubung masalah yang dihadapi oleh mereka.

Empat sesi latihan telah dijalankan yang melibatkan 19 sukarelawan semenjak bulan Februari 1998. Sesisi latihan tersebut bukan berbentuk kuliah tetapi lebih merupakan suatu penerangan ringkas dalam bidang undang-undang untuk melengkapkan pelatih-pelatih dalam kamar dengan kebolehan memberi nasihat kepada seseorang anakguam walaupapun masalah yang dihadapi oleh anakguam tersebut.


Pusat Bantuan Guaman anjuran Majlis Peguam telah membawa perkhidmatannya kepada perhatian orang ramai melalui media cetak dan terdapat peningkatan yang memuaskan di dalam jumlah yang datang ke klinik

LAC untuk mendapatkan bantuan and nasihat guaman. Walaubagaimanapun, jumlah mereka yang layak untuk mendapatkan perkhidmatan guaman masih kecil. Seseorang anakguam yang datang ke klinik LAC mungkin mendapatkan bahawa beliau tidak layak atas sebab gagal dalam ujian kelayakan mendapatkan bantuan guaman atau sebab kes mereka tidak termasuk di dalam bidangkuasa LAC tersebut.

Jumlah keseluruhan mereka yang datang ke LAC untuk tahun 1998 adalah 1955 orang, dan daripada jumlah tersebut, LAC mendapat bahawa hanya 304 sahaja yang layak mendapatkan bantuan guaman sementara 1216 hanya meminta nasihat dan 435 yang lain tidak layak. Jumlah anakguam yang tidak layak ujian kelayakan adalah 359 manakala 76 yang lain tidak layak atas sebab kes-kes mereka berada diluar bidangkuasa LAC. \*Untuk huraiyan lanjut sila rujuk carta (dalam Bahasa Inggeris) di bawah.




**Breakdown of Those Disqualified**




Dalam tahun 1997 terdapat lebih ramai anakguam lelaki berbanding anakguam wanita yang datang ke LAC, 831 orang anakguam lelaki dan 248 orang anakguam wanita. Walaupun terdapat peningkatan di dalam jumlah anakguam wanita yang datang ke LAC, jumlah anakguam lelaki yang hadir juga meningkat, 1248 orang anakguam lelaki dan 707 orang anakguam wanita. Sebab peningkatan hampir 300% dalam jumlah anakguam wanita yang datang ke LAC kemungkinan besar kerana golongan wanita lebih mengetahui akan hak-hak mereka atau lebih mengetahui tentang kewujudan LAC.

**Gender Breakdown**



Berhubung corak keturunan mereka yang dibantu, terdapat campuran keturunan yang agak seimbang.



Semenjak September 1998, klinik LAC telah dikendalikan dengan pertolongan daripada para sukarelawan yang bertindak sebagai para penyelia yang samada hadir secara sendiri di klinik LAC ataupun dapat dihubungi melalui telefon. Mutu perkhidmatan yang diberikan oleh pelatih-pelatih dalam kamar telah meningkat dengan kehadiran para penyelia tersebut. Terdapat 20 penyelia yang kerap berada di klinik LAC dan kepada para penyelia ini pihak jawatankuasa mengucapkan ribuan terima kasih kerana meluangkan masa dan usaha mereka dalam menjayakan klinik LAC.

#### **PROGRAM DOCK BRIEF**

Laporan oleh Ketua Projek, Encik Charles Hector

##### Ahli Jawatankuasa

En Suria Kumar  
Cik Kirenjit Kaur Brar  
En Avtaran Singh  
En Jonathan Selvasegaran  
Cik Cheng Siew Mei  
En Joseph Mathews  
En Suraj Singh  
En Balamurugan  
En Moh Kok Wai  
Cik Rohaina Abd Latif

En Raja Segaran  
Cik Moganambal  
En B Murugayah  
En Bernard Gomez  
Cik Izleen Ismail  
Cik Soo San San  
En Adi Azhar  
En S Bala Subramaniam  
En Eugene Lee Hong Whye  
En Raja Singam

Cik Lee Noushi  
Cik Ernie Sulastri Ahmad

#### **SECARA AM.**

Menyedari bahawa 95% daripada anak guam jenayah di Mahkamah Majistret di Kuala Lumpur adalah tanpa diwakili sewaktu perjalanan kes mereka dan mereka adalah dibawa di Mahkamah untuk dicaj, Pusat Bantuan Majlis Peguam (Kuala Lumpur) (dikenali sebagai "Pusat Bantuan Guaman") telah mengambil keputusan pada tahun 1995, dimana langkah-langkah patut diambil bagi / untuk memastikan hak seseorang itu didalam perlombagaan yang mana "right of a person to be allowed to consult and be defended by a legal practitioner of his choice"<sup>\*1</sup> [Art 5(3) Federal Constitution].

Walaupun, secara majoriti diantara anak-anak guam ini adalah "impecunious persons" yang mana layak untuk ujian "Means", adalah dipersetujui bahawa apa yang lebih penting adalah prinsip dimana keadilan hendaklah diberikan kepada mereka ini, yang mana mereka diberikan bantuan guaman dan pewakilan secara percuma di Mahkamah. Ini adalah kerana di Malaysia, sekiranya seorang itu ditangkap, dia tidak mempunyai peluang untuk menghubungi ahli keluarga atau pun peguam, begitu juga untuk menghubungi mereka yang berkenaan melalui talipon dan oleh itu mereka ini dibawa ke mahkamah untuk diremand atau dicaj sebelum mendapat sebarang nasihat daripada peguam tentang hak mereka.

Merujuk kepada perkara ini, dan juga menyedari ianya diantara "the ambit of the statutorily defined objects of the Malaysia Bar, that is to "uphold justice"<sup>4</sup>, "to protect and assist the public in all matters touching or incidental to the law,"<sup>5</sup> dan juga "to make provision for or assist in the promotion of a scheme whereby impecunious persons may be represented by advocates and solicitors"<sup>6</sup>, Pusat Bantuan Guaman setelah berbincang dengan Mahkamah, melaksanakan program ini yang kini dikenali sebagai Program Dock Brief di pertengahan tahun 1995.

### **PROGRAM DOCK BRIEF – HARIINI DAN BESOK**

Sekarang, peguam sukarela dan pelatih yang menyertai program ini memberikan perkhidmatan undang-undang secara percuma dan mewakili anak guam yang bermula dari masa mereka dibawa ke Mahkamah untuk tujuan dicaj dan dicaj kemudiannya. Sekiranya anak guam mengaku salah, peguam sukarela ini akan membantu mereka membuat rayuan. Sekiranya jaminan diperlukan, sekali lagi peguam sukarela ini akan membantu sewaktu meminta jaminan. Bagi prosiding " remand" pula, adalah tidak dijalankan oleh kerana kekurangan tenaga<sup>7</sup>, walaubagaimanapun Program Dock Brief ini telah menghidupkan semula prosiding "remand".

Pada tahun 1995, kami telah memulakan program ini dengan 2 buah Mahkamah Majistret dan dimana 3-4 orang sukarelawan sehari akan memberikan perkhidmatan tetapi pada hari ini program ini telah meluaskan bantuan kepada 7 buah Mahkamah dan juga meminta bantuan, dimana 14 orang pelatih dan seorang peguam sukarelawan ditugaskan<sup>8</sup>. Perkhidmatan ini diberikan dari hari Isnin sehingga Jumaat dari 8.30 pagi sehingga 12.30 petang. Adalah ditegaskan disini, pelatih dalam kamar merupakan tenaga penggerak utama yang menjalankan dan menjayakan program ini<sup>9</sup>.

Jumlah mereka yang telah mendapat bantuan dari program ini telah bertambah dari tahun ke tahun. Pada tahun 1997 sahaja, jumlah anak guam yang mendapatkan bantuan adalah dari 1,064 orang. Pada tahun 1998, jumlah mereka bertambah kepada 2,673.

### **STRUKTUR ORGANISASI DAN PENYELIAAN**

Program ini pada amnya mempunyai penyelianya<sup>10</sup> dikalangan Ahli Jawatankuasa Pusat Bantuan Guaman, yang mana dikenali sebagai Ahli Jawatankuasa Program Dock Brief yang mempunyai ahli seramai 20 orang peguam, dimana majoriti daripada mereka telah menganggotai Dock Brief sebelum ini sebagai pelatih. Ahli jawatankuasa ini, selain daripada penyelian sukarelawan program ini, adalah juga bertanggungjawab untuk latihan dan koordinasi program ini secara keseluruhan.

Lebih kurang 3 orang penyelia dilantik untuk setiap hari sebagai penyelia harian dan mereka ini adalah bertanggungjawab memastikan kumpulan harian yang mempunyai keahlian diantara 9-14. Dimana diatas pelatih ini ada juga ketua kumpulan dan penolongnya yang dilantik untuk setiap hari.

### **LATIHAN UNTUK SUKARELAWAN DOCK BRIEF**

Apabila program ini dimulakan, hanya taklimat pendek sahaja diberikan dan selepas itu pelajar dihantar ke Mahkamah. Pada hari ini, latihan untuk program<sup>11</sup> ini diadakan dan yang mana ia boleh dibahagikan kepada beberapa komponen: -

- a) Taklimat selama 2 jam diberikan untuk program ini;
- b) Latihan selama 1 minggu diberikan di Mahkamah<sup>12</sup>;
- c) Latihan selama satu hari diberikan yang bermula dari 8.30 pagi sehingga 4.00 petang;
- d) Pada minggu ketiga latihan-review dibuat bersama penyelia harian;
- e) Pada minggu keenam-mid term review diadakan bermula dari 8.30 pagi sehingga 12.30 petang;
- f) Pada minggu kesembilan – review bersama penyelia harian.

Selain daripada diatas, ceramah untuk sebarang isu yang relevant diadakan dan ini hanya diadakan sekiranya diperlukan. Penyelia harian dikehendaki memberikan ringkasan aktiviti harian pelajar.

Selain daripada memberikan latihan, material yang berkenaan juga diberikan ini akan merangkumi telefon, mesin photostat, naskah-naskah Akta yang berkaitan seperti Akta Dadah Merbahaya dan lain-lain, naskah-naskah authoriti-authoriti yang mana juga disediakan, buku text Prosiding Jenayah oleh Mimi Kamariah, borang interview dan juga "system of registration" anak guam yang dibuat oleh Pusat Bantuan Guaman.

## MASALAH DAN CARA PENYELESAIAN

Program ini juga mempunyai masalah yang mana diantara masalah tersebut adalah dengan pihak polis, Magistret, Tuan Pelatih dan Firma dan juga masalah lainnya.

Polis: -

- a).Polis keberatan memberikan akses kepada bakal anak guam kami.
- b).Susah untuk kami mendapatkan Kertas Pertuduhan, Fakta Kes, Report Kimia dan lain-lain.

Mahkamah.

- a).Masa yang diperlukan untuk mendapatkan arahan daripada anak guam kami.
- b).Pihak mahkamah agak keberatan untuk menangguhkan kes untuk kami mendapatkan arahan selanjutnya daripada anak Guam kami.
- c).Kod berpakaian, etika mahkamah dan kadang kala kualiti submission yang rendah.

Pelatih/Tuan Pelatih/ Firma

- a).Masalah kelambatan Pelatih melapurkan diri dan gagal hadir pada tugasannya – ini adalah juga kerana Tuan atau Firma dimana Pelatih mendapatkan latihan mahu menggunakan Pelatih untuk menjalankan tugas untuk firma pada hari Pelatih bertugas. Sepatutnya masalah tersebut tidak sepatutnya ada kerana kedatangan adalah wajib dan gagal untuk hadir akan mengagalkan kelancaran program ini.

A. Peguam lain

- a) Peguam lain yang mengambil anak guam oleh itu tiada lagi anak guam yang boleh pelatih membuat rayuan untuknya.

Apabila masalah timbul, cara penyelesaian yang disyorkan adalah secara tidak langsung (informal). Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah itu, cara langsung akan diambil oleh ahli jawatankuasa Dock Brief. Dimana cara penyelesaian masalah akan dicari.

## PROGRAM DOCK BRIEF YANG AKAN DATANG

Pada hari ini, program ini menyedari bahawa ianya secara langsung bergantung kepada pelatih dalam kamar sahaja oleh itu adalah perlu untuk mendapatkan kerjasama daripada peguam sukarela. Perkara ini bukannya perkara mudah kerana ramai peguam tidak akan secara terdahulu menyatakan masa yang terluang terutamanya untuk sesi pagi.

Program ini sekarang telah juga membuat penglibatannya di prosiding remand yang mana memerlukan memanjangkan masa perkhidmatannya sehingga 4.15pm. Ini adalah kerana kes-kes remand adalah didengar pada waktu petang.

Adalah dinyatakan disini bahawa di Kuala Lumpur mempunyai pertambahan jumlah peguam yang tinggi yang mana bersedia memberi perkhidmatan secara sukarela untuk Pusat Bantuan Guaman dan ini telah dilihat secara langsung semasa "Urgent Arrest" dan adalah diharap agar perkara ini akan berkekalan.

Akhirnya, perkembangan dan perjalanan program ini bergantung kepada Ahli Majlis Peguam untuk Pusat Bantuan Guaman.

\*1. Art 5(3). Dimana apabila seseorang ditangkap, dia hendaklah diberitahu sebab dia ditangkap secara serta merta dan sebab-sebab tangkapan dibuat dan di benarkan untuk mendapatkan nasihat dan pembelaan daripada peguam yang pilih.

\*2. S. 42(1) (a) Legal Profession Act 1976

\*3. S. 42(1) (g) LPA 1976

\*4. S. 42(1) (g) LPA 1976.

\*5.Untuk hari biasa, setiap Mahkamah mempunyai diantara 5-20 orang Peguam Sukarelawan akan memberikan nasihat dan akan mendapatkan arahan dalam pada waktu yang terdekat ini sebelum Mahkamah bersidang dari masa ini Mahkamah akan menangguhan kes tersebut. Dalam masa yang singkat itu, pelatih dikehendaki menyediakan penghujahan mereka ( bersama dengan authoriti ) dan juga nasihat dan menyediakan penjamin sekiranya jaminan ditawarkan.

\*6.Disebabkan kegawatan ekonomi yang dialami kini, pelatih dalam kamar adalah berkurangan dan mengakibatkan keahlian pelatih-pelatih pada setiap hari adalah diantara 7-8 orang.

\*7.Mengikut Bar Council Rulling, pelatih dikehendaki memberikan khidmat mereka selama 14 hari dalam masa latihan dalam kamar mereka dan juga menyatakan bahawa penyertaan pelajar tidak sepatutnya diganggu . Setiap pelajar dikehendaki hadir bertugas untuk 12 hari sahaja.

\*8.Pada waktu ini, kumpulan sebelum itu yang akan menamatkan tempoh tugasannya yakni pada minggu ke 12 tugasannya secara official. Kumpulan yang baharu akan mendapat latihan secara langsung tentang Mahkamah dan mempunyai peluang belajar daripada pelatih terdahulu.

\*9.Ada 3 orang penyelia untuk setiap hari dimana diantara mereka adalah peguam dan ahli jawatankuasa Dock Brief sendiri.


\*10. Program Dock Brief melibatkan peguam yang mempraktis undang-undang jenayah, dimana mereka biasa menjalankan tugasannya membuat rayuan tanpa persediaan. Adanya Program Dock Brief ini disini, jumlah peguam yang dimaksudkan adalah berkurangan.

## STATISTIK

### MEREKA YANG DI BANTU

NASIHAT	118
PEMOHONAN JAMINAN	10
PENGURANGAN HUKUMAN	2395
PEWAKILAN UNTUK YANG LAIN	134
MINTA BICARA	16
JUMLAH	2673

## PROGRAM DOCK BRIEF



### KLINIK PENJARA SUNGAI BULOH

Laporan oleh Ketua Projek, Encik Kitson Foong

#### Ahli Jawatankuasa

Encik Gamany S.T.

Encik Hamid Sultan Abu Backer

Cik Anni Santiago

#### Peguam Sukarela

Cik Jerry Woo

En G.K. Ganesan

Cik Heama Latha Nair

Cik Moganambal

Encik Dev Anand Pillai

Encik Baskaran Manikam

#### Asal Usul

Sehingga berakhirnya Pejara Pudu pada pertengahan tahun 1996, Pusat ini telah mengadakan Klinik pada setiap minggu di situ. Bagaimanapun setelah penjara itu berpindah ke Sungai Buloh projek ini telah ditangguhkan buat sementara waktu disebabkan oleh kesulitan logistik untuk mengendalikan klinik undang-undang di tempat baru ini.

Projek ini bagaimanapun telah dipulihkan semula pada akhir bulan Disember 1997. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan dimana untuk mengatasi berbagai masalah logistik dan membangunkan satu perhubungan kerja yang baru dengan pihak penjara.

Pasukan ini telah membuat dua objektif.

- i. Menyediakan nasihat dan bantuan undan-undang untuk kesemua tahanan reman yang berkelayakan dibawah Biro Bantuan Penjara Sungai Buloh Selangor.
- ii. Selaras dengan objektif (i) di atas, iaitu untuk mendapat maklumat yang lanjut dan tepat tentang tahanan reman mengenai kemungkinan untuk wakil guaman di Mahkamah Jenayah Majistret dan Sesyen di Kuala Lumpur oleh ahli-ahli Program Dock Brief dan tugasannya peguam sukarelawan.

Setelah beberapa mesyuarat bersama dengan penjara dan setelah menyediakan belanjaan perjalanan, akhirnya klinik ini telah menyediakan sesi pertamanya di Penjara Sungai Buloh pada 26hb. February 1998. Sekumpulan 20 orang pelajar dalam kamar bersama 3 orang penyelia telah menemuramah seramai 70 orang. Bilangan besar orang yang ditemurah adalah disebabkan oleh banyak (backlog) penanganuan populasi reman disebabkan oleh projek penjara yang ditangguhan untuk seketika.

Kami masih lagi menemurah sebilangan besar orang pada satu masa. Kami berharap setelah penanganuan ini diselesaikan, Kami dapat menumpukan kepada temuramah yang lebih terperinci.

### Operasi

Klinik ini juga telah melalui berbagai masalah disebabkan oleh kekurangan kakitangan di Penjara. Bagaimanapun kami sekarang mempunyai aturan tetap dengan penjara selama 2 minggu sekali pada hari Sabtu. Dengan aturan tetap ini, kami telah oleh menjalankan program ini selari dengan kitaran 3 bulan pelajar kami.

Sejumlah 10 pelajar telah mendaftar untuk jangkamasa 3 bulan. Pelajar-pelajar telah menemurah sekitar 50 orang pada setiap sessi dan selepas itu mereka telah ditugaskan di Pusat Bantuan Guaman untuk tindakan susulan. Ini termasuk menghubungi saudara-mara tahanan yang hendak diikat jamin, berkerjasama dengan Program Dock Brief untuk mitigasi, membuat susulan dengan fail yang telah dibuka dan sebagainya.

Seperti program yang lain, satu sessi latihan diadakan untuk pelajar. Kaedah latihan yang dijalankan sekarang berlangsung untuk sepenuh hari dan meliputi aspek-aspek seperti teknik menemuramah dan informasi yang perlu mengenai kesalahan jenayah.

Pelajar-pelajar telah mengendalikan kesalahan-kesalahan dibawah Akta Badan Berbahaya, Kanun Keseksaan, Akta Pengangkutan dan berbagai kes kecuali (Capital offence cases). Jika anakguam di tuduh dibawah seksyen 39B Akta dadah berbahaya. Kes ini secara lansung akan dibawa kepada Jawatankuasa Undang-Undang Jenayah. Butir-butir kes-kes yang dikendalikan oleh pelajar-pelajar disenaraikan seperti dibawah (Dalam Bahasa Inggeris).

s.39B Dangerous Drugs Act 1952 (DDA)	20
s.39A DDA 1952	70
s.6 DDA 1952	12
s.12(2) DDA 1952	76
s.6 Arms Act 1960	8
s.326 Penal Code (P.C.)	8
s.379/s.380 P.C.	190
s.392/s.397 P.C.	41
s.411 P.C.	70
s.448 P.C.	5
s.354 P.C.	8
s.457 P.C.	20
s.506 P.C.	5

s.19(3) Lockup Rules	2
s.42(1) Road Transport Act	15
s.29(1) Minor Offence Act	9
s.4 Entertainment Act	1
s.6 FIPA 1971	2
s.25 National Registration Act	6
s.420 P.C.	2
s.489 P.C.	1
s.375 P.C.	1
s.454 P.C.	2

Apa yang membingkan ialah bilangan juvenil di dalam penjara. Sejak Jebelakangaan tahun ini. Kami telah membantu sebanyak 21 orang juvenil yang dituduh di bawah kesalahan-kesalahan yang diberikan di bawah.

Oleh yang demikian, kami telah memberi keutamaan kepada juvenil yang direman.

#### **Perancangan untuk masa hadapan**

Adalah amat sulit untuk membuat perancangan masa hadapan dengan bilangan jumlah pelajar-pelajar dan peguam yang sedikit dan bilangan besar individu yang layak untuk bantuan guaman yang memerlukan nasihat dan bantuan undang-undang. Dengan masa dan tenaga sukarelawan, kami mungkin akan dapat membuat perancangan untuk pembesaran klinik ini.

#### **PROJEK BANTUAN URGENT ARREST**

Laporan oleh Ketua Projek, Mr. R. Kesavan

#### **Ahli Jawatankuasa**

Encik Sivarasa Rasiah  
 Encik N. Surendran  
 Cik Salbiah Ahmad  
 Encik Charles Hector

#### **Penyelaras Kumpulan Peguam**

Encik Amin Hafiz	En Mohd Zainal Abidin	En Francis Pereira
Cik Tan Wan Yean	Cik Saadiah Din	
En Uthayakumar	En Stanley Sinappan	
En Ramid Khan	En Noor Amran	
En Thirukumaran	En Suhaili Mohd Yusoff	
En B. Murugayah	En Dev Anand	

#### **Asal-usul Projek**

Pusat ini di dalam beberapa tahun kebelakangan telah menyediakan bantuan secara "ad-hoc" kepada pelbagai orang yang ditahan/ditangkap dan keluarga dan/atau kenalan yang menghubungi LAC. Beberapa penangkapan di bawah ISA turut dibantu. Oleh kerana cara pejabat LAC dikendalikan, adalah sukar untuk meneruskan satu tindakan pantas kepada permintaan ke atas representasi tahanan reman dsb. Skim "Dock Brief" LAC bermula pada peringkat tertuduh dibawa untuk didakwa. Walaubagaimanapun ramai yang menafikan hak represantasi semasa tangkapan terutamanya pada peringkat permohonan reman.

Panel Pengurusan 1998/9 telah merumuskan untuk memberi bantuan yang lebih sistematik dan teratur dan telah memulakan apa yang sekarang dipanggil "Urgent Arrest Lawyers Team". Ia telah mengeluarkan pekeliling-pekeliling di dalam bulan Julai dan Ogos 1998 kepada Majlis Peguam Kuala Lumpur meminta

sukarelawan-sukarelawan dan sambutan awal adalah agak dingin - lebih kurang sedozen peguam-peguam. Selepas beberapa taklimat awal, projek telah bermula secara nada rendah ("low key").

Selepas daripada kejadian 1998, apabila sejumlah besar orang telah ditangkap berikutan perhimpunan haram, sambutan daripada Majlis Peguam telah meningkat dengan mendadak dan projek Urgent Arrest telah bermula secara besar-besaran dan pada mulanya telah membanjiri LAC.

## LATIHAN SUKARELAWAN

Akiviti utama awal projek adalah latihan kepada sukarelawan pada bulan September 1998. Objektif-objektifnya:

- untuk mengorientasikan peguam-peguam yang tidak mengamalkan undang-undang jenayah dengan asas kuasa-kuasa polis berkenaan dengan tangkapan, penahanan , soal siasat polis, dakwaan dan ikatjamin
- untuk melatih peguam-peguam untuk menjalankan tugas mereka di balai-balai polis, berunding dengan polis, membantu keluarga mereka yang ditangkap, bekerjasama dengan kumpulan-kumpulan bantuan
- untuk menggalak pengamal undang-undang sivil untuk memberi bantuan sukarela kepada projek memandangkan projek adalah sebahagian besarnya meliputi proses pra-perbicaraan bagi kes jenayah
- untuk melatih sukarelawan untuk projek
- untuk menggalakkan semangat perkhidmatan.

Projek telah menjalankan 2 sesi latihan yang lain pada 1998, iaitu pada 3hb October dan satu lagi pada 23 hb. October.

## JENIS BANTUAN YANG DIBERIKAN

Sukarelawan telah memberikan pelbagai bantuan di bawah projek ini.

Apa yang telah didokumentasikan di Pusat ini merupakan representasi kes-kes reman, termasuk penangguhan dan permohonan ikatjamin. Pusat ini telah merekodkan setiap klien (seperti yang dimaklumkan oleh sukarelawan atau kakitangan) di dalam satu buku pendaftaran. Apabila satu-satu kes dibawa ke mahkamah, satu fail akan dibuka.

Bantuan guaman yang diberikan termasuk represensi dalam perbicaraan mereka yang telah ditangkap di antara bulan September dan November atas sebab perhimpunan haram dan rusuhan. Tarikh tarikh perbicaraan adalah pada 1999.

Profil Pemohon.

Jumlah Individu Yang Dibantu	510
Jumlah Fail Yang Dibuka	35

Bentuk-bentuk bantuan

Jumlah Pendengaran Reman	21
Jumlah Jaminan Polis	17
Jumlah Perbicaraan (tarikh-tarikh dalam tahun 1999)	7
Penahanan dibawah ISA	5

Secara ringkasnya, sukarelawan dalam 1998 telah mengendalikan perkara di bawah:

- Akta Polis
- Akta Hasutan
- Akta Bahan Cetak dan Penerbitan
- Akta Keselamatan Dalam Negeri
- Akta Universiti dan Kolej Universiti, dan
- Akta Institusi Pendididkan (Akta Disiplin)

Profil pemohon merangkumi antara lain penduduk awal bandar, pekerja asing (yang ditangkap bersama-sama dengan penunjuk-penunjuk perasaan jalanan), penunjuk-penunjuk perasaan jalanan dan pelajar. Pada Disember 1998, LAC juga telah mengendalikan kes tangkapan seramai 19 orang belia Malaysia yang ditangkap kerana mengganggu ketenteraman awam.

### **MASUK CAMPUR POLISI**

Di dalam menjalankan beberapa perbicaraan reman terutamanya yang luarbiasa di PULAPOL yang berterusan hingga 2 pagi, beberapa masalah telah timbul berkenaan dengan dua bidang utama melibatkan polis dan mahkamah:

- Polis : kerjasama polis yang memberi maklumat orang yang ditangkap, nama pegawai penyiasatan, stesen polis, penahanan reman selepas 24 jam ditangkap, nama yang dibebaskan samada atas ikatjamin polis atau tidak, nama mereka yang didakwa, tempat di mana pendakwaan akan dikendalikan, kegagalan untuk memaklumkan peguam LAC berkenaan (yang berada di dalam rekod mahkamah) mengenai perbicaraan (dakwaan/ikatjamin); dan
- Mahkamah: lokus LAC untuk mewakili yang disyaki/tertuduh, pemanjangan tempoh penahanan yang seakan diberi secara otomatis oleh majistret, masalah untuk mendapatkan Mahkamah Tinggi untuk mengkaji keputusan majistret.

Sebahagian daripada isu-isu ini telah ditimbulkan di Mahkamah Tinggi untuk mengkaji keputusan majistret berkaitan perintah reman. Akibatnya, Y.A. Datuk Wahab Patail telah mengadakan satu mesyuarat dengan kesemua pihak yang berkenaan untuk membincangkan penyelesaian kepada masalah-masalah itu. Selepas dari mesyuarat yang pertama pada 4-12-98, satu jawatankuasa telah dibentuk yang dipengerusikan oleh Puan Lim Lee Yan, Hakim Kanan Mahkamah Sesyen untuk meneruskan perbincangan dan membentuk cadangan-cadangan. Jawatankuasa kerja ini telah bertemu sekali lagi pada 9-2-99. Jawatankuasa kerja ini telah berjaya memulakan proses penyelesaian kepada sebahagian daripada isu-isu ini. LAC ingin merekodkan penghargaannya kepada Datuk Wahab Patail dan juga Puan Lim atas usaha-usaha dan penglibatan dan iktizam untuk membantu bukan sahaja peguam-pegawai LAC tetapi juga semua pihak-pihak yang terlibat dalam proses ini untuk memastikan penyediaan bantuan guaman kepada mereka yang tidak diwakili peguam.

### **Isu-isu Struktur dan Pengurusan**

Kumpulan Projek belum lagi berjumpa untuk menilai projek secara terperinci oleh kerana kesempitan masa. Sementara tidak cukup masa untuk melakukan segalanya, satu penilaian mungkin diperlukan untuk menangani beberapa kegusaran terutamanya memandangkan LAC bergantung kepada peguam sukarela dan pengurusan masa adalah menjadi sangat penting. Projek juga barangkali mempunyai jumlah sukarelawan yang terbesar dengan latihan yang berterusan di dalam perancangan, mengambil kira tugas-tugas yang telah dijalankan.

## **KLINIK SYARIAH**

Klinik guaman Syariah telah diperkenalkan untuk memberikan perkhidmatan guaman Syariah percuma kepada pihak-pihak yang terlibat di Mahkamah Syariah. Bagi membolehkan seseorang menerima perkhidmatan ini mereka hendaklah memenuhi ujian yang disediakan oleh pihak Pusat Bantuan Guaman. Kami percaya bahawa perkhidmatan ini adalah diperlukan kepada mereka yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan dan untuk melindungi hak mereka di Mahkamah Syariah. Tanpa khidmat guaman seseorang isteri mungkin tidak dapat untuk memperjuangkan kesnya dengan sempurna di Mahkamah Syariah. Di sinilah kami tampil untuk memberikan bantuan tanpa prejedis kepada hak suamai untuk memgambil khidmat guaman ini.

Klinik ini mengandungi para sukarelawan daripada pelajar dalam kamar dan juga peguam syariah. Semasa klinik syariah ini diambil alih oleh ketuanya yang baru, beberapa aktiviti telah dicadangkan melalui sesi mesyuarat dengan ahli-ahli jawatankuasa. Walaubagaimanapun oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dilakukan kami tidak dapat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah dicadangkan tersebut. Tujuan utama kami guaman syariah ini. Kami masih lagi kekurangan ahli jawatankuasa dan para sukarelawan untuk membantu menjayakan lagi klinik guaman ini.

Bagi aktiviti klinik untuk sessi bulan Januari 1998 sehingga ke bulan Disember 1998 kami telah berjaya untuk mengendalikan sessi latihan untuk para pelajar dalam kamar dan klinik telah berjalan sebagaimana yang ditetapkan. Latihan ini memberikan sedikit sebanyak pendedahan kepada para pelajar dalam kamar yang berkaitan dengan undang-undang syariah yang mana agak baru bagi sebahagian daripada mereka. Para pelajar juga ditunjukkan cara-cara untuk menghadapi anakguam dalam perkara-perkara berkaitan dengan pelajar juga ditunjukkan cara-cara untuk menghadapi anakguam dalam perkara-perkara berkaitan dengan syariah. Para pelajar dalam kamar dengan bantuan daripada peguam sukarela telah berjaya untuk memberikan khidmat nasihat kepada anakguam yang datang ke klinik kami. Sungguhpun begitu jumlah anakguam kami adalah masih kecil jika dibandingkan dengan klinik guaman yang lain. Palaing menarik kami juga mempunyai anak guaman di dalam undang-undang jenayah syariah (Khalwat).

Kami percaya bahawa adalah perlu pendedahan yang lebih luas kepada klinik guaman ini untuk orang ramai. Oleh itu, kami berharap bahawa kami akan berjaya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang kami cadangkan di masa hadapan.

## **CELIK UNDANG-UNDANG**

Laporan oleh Ketua Project, Encik Ngooi Chiu-Ing

Program Celik Undang-Undang bertujuan untuk memaklumkan kepada orang awam hak-hak mereka melalui penerbitan bercetak. Tujuan kami adalah untuk mencapai matlamat seperti berikut: -

- Bahawa berbekalkan dengan pengetahuan yang lebih baik, orang awam akan lebih berupaya untuk melindungi hak-hak mereka, samada melalui diri mereka sendiri atau dengan mendapatkan bantuan daripada orang-orang yang berkaitan.
- Untuk menjawab soalan-soalan yang kerap ditanya agar orang awam tidak perlu lagi meminta bantuan daripada pihak lain seperti Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam. Ini akan lebih memudahkan orang awam dan membantu untuk mengurangkan beban kerja Pusat.

Bahan-bahan penerbitan berikut telah pun disediakan atau dalam proses penyediaan:

- i) Satu buku kecil "Hak-Hak dan Faedah Anda Sebagai Seorang Pekerja" dalam bahasa Inggeris telah pun disediakan. Isinya adalah jelas melalui tajuknya dan buku tersebut mengandungi bahagian-bahagian berhubungan pemecatan dan pemberhentian. Buku tersebut telah tersedia untuk dicetak di peringkat kebangsaan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Bantuan Guaman Kebangsaan. Ia juga akan diterjemahkan kepada tiga bahasa lain iaitu Bahasa Malaysia, Cina dan Tamil.
- ii) Satu risalah berkenaan "Jamin" telah pun disiapkan dan sedia untuk dicetak. Ia bertujuan untuk melengkapi risalah "Tangkapan" yang telah sedia ada. Ini juga dalam proses penterjemahan ke dalam bahasa lain.

- iii) Risalah yang amat diperlukan berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur telah pun disiapkan dan sedia untuk dicetak.
- iv) Kami juga sedang mengusahakan tiga risalah lain: - "Perlindungan Pengguna Mengetahui Hak Anda", "Membeli Barang atas Sewa Beli" dan "Keganasan Domestik".

### **C KLINIK –KLINIK LUAR (OUTREACH CLINICS)**

Pusat Bantuan Guaman mengendalikan beberapa klinik 'Outreach' dengan berbagai pertubuhan bukan kerajaan. Ahli pengurusan panel kerap bertemu dengan ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan ini dalam jawatankuasa 'Liaison' untuk mengawasi program tersebut.

Berikut adalah laporan-laporan klinik-klinik 'outreach'.

#### **PERKHIDMATAN MAKLUMAT PERUNDANGAN PUSAT BANTUAN GUAMAN/AWAM**

Laporan oleh Ketua Projek, Cik Leena Ghosh

Ahli Jawatankuasa

Puan Sharmini Thirucelvam

Puan Khaliza Khalid

Cik Mano Hara Subramaniam

Cik Betty Yeoh

Puan Cynthia Netto

#### **OBJEKTIF**

Di dalam objektif kita ini, satu objektif yang sentiasa ingin dilaksanakan adalah untuk memberikan nasihat perundangan dan juga untuk membantu kaum wanita yang memerlukan bantuan. Merujuk kepada objektif ini, keinginan kita adalah untuk melatih kesemua pelatih dalam kamar dan juga para peguam sukarela untuk memberikan nasihat yang berkualiti kepada kaum wanita yang mengunjungi AWAM (Pusat Bantuan Perundangan). Banyak wanita yang mengalami kesengsaraan secara bersendirian berpunca dari pelbagai punca, dan salah satu daripadanya ialah dari keadaan latar belakang seseorang itu. Mereka selalunya tidak mengetahui dari mana mereka harus mendapatkan bantuan, apakah bantuan yang boleh mereka dapat dan sama ada mereka ini mampu untuk mendapatkan segala bantuan tersebut. Kita berkeinginan untuk menjadikan undang-undang lebih praktikal dan boleh disalurkan kepada kaum wanita ini, lebih-lebih lagi kepada golongan bawahan. Secara tradisional dan budayanya, terdapat banyak halangan bagi wanita ini untuk mendapatkan kesamarataan dan keadilan, harga diri dan kekuasaan. Ianya menjadi harapan dan impian untuk projek Pusat Perkhidmatan Maklumat Perundangan AWAM/PBP untuk memainkan sedikit peranan yang akan tetapi merupakan peranan yang tidak dapat disangkalkan untuk mencapai matlamatnya.

#### **PROJEK PERKHIDMATAN MAKLUMAT PERUNDANGAN PUSAT BANTUAN GUAMAN/AWAM**

Ini merupakan tahun yang diakui untuk ahli jawatankuasa di PBP/Projek Klinik Perundangan AWAM. Sesungguhnya saya amat bimbang dengan pembaharuan prosedur ini. Jika kebenarannya diketahui, saya membayangkan, yang ianya akan menjadi satu mimpi negeri politik. Malangnya saya tidak benar di dalam hal ini dan saya merasa berbesar hati untuk mengatakan bahawa ahli jawatankuasa projek ini telah berusaha bertungkus lumus dengan jayanya dan telah memberikan bantuan yang sungguh memberangsangkan dengan segala pembaharuan di dalam setiap projek, aktiviti dan juga di dalam beberapa sesi 'brainstorming' Klinik Perundangan AWAM/PBP telah berjaya melangkah kehadapan sejak itu. Segala ucapan terima kasih diucapkan kepada Khaliza Khalid dan Sharmini Thiruchelvam, kedua-duanya sebagai ahli jawatankuasa Klinik ini. Penghargaan juga diberikan kepada rakan saya Friday, Chitra yang memberikan inspirasi dan berinovatif serta berusaha keras untuk kejayaan ini. Penghargaan harus diberikan kepada Cynthia, Mano dan kakitangan AWAM dalam projek klinik bantuan perundangan dan tanpa kerjasama mereka tersebut tentu klinik akan gagal.

Ianya sesungguhnya merupakan satu tahun yang penuh dengan cabaran pada tahun lepas. Di bawah ini merupakan senarai sedikit sebanyak aktiviti yang telah dilaksanakan.

1. 1998 merupakan tahun perubahan bagi Klinik Perundungan AWAM/PBP ( selepas ini dikenali sebagai "Klinik"). Pada 20 Disember 1997, telah diputuskan bahawa Klinik telah menyusun semula dan bergandingan secara seiring dengan projek-projek PBP yang lain sepanjang tahun 1998. Ini bermakna Klinik ini akan mengikuti satu peralihan selama tiga (3) bulan, iaitu 4 sesi setahun. Di dalam keadaan ini, kumpulan pelatih dalam kamar yang masih baru akan membantu dan terlibat di dalam Klinik ini selama tiga (3) bulan, dengan satu 'overlap' seminggu. Ini akan memberikan pelatih dalam kamar tersebut satu peluang bagi mereka untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan di dalam Klinik ini dengan pelatih dalam kamar yang mendatang. Kumpulan pelatih dalam kamar yang mendatang ini akan dapat melihat dan belajar bagaimana kumpulan pelatih dalam kamar yang telah dan akan selesai mengikuti program ini menjalankan tugas mereka di dalam Klinik tersebut. Dengan ini, ianya juga akan membantu program suai kenal yang dijalankan oleh PBP/AWAM yang mana memperkenalkan pelatih dalam kamar kepada berbagai projek yang terdapat di PBP/AWAM. Klinik juga akan menyediakan jadual tahunan secara terperinci dan menyeluruh terlebih dahulu mengenai tarikh-tarikh latihan dan juga tarikh pertengahan sesi untuk setiap sesi.
2. Nama bagi Klinik ini telah mengalami beberapa perubahan. Sebelum ini ianya dikenali sebagai Klinik Perundungan AWAM. Lanjutan daripada kejadian bahawa 'clients' yang kadang kala perkhidmatan ini juga menyediakan perkhidmatan kesihatan, maka telah diputuskan untuk mengubah nama Klinik ini kepada Pusat Informasi Perundungan AWAM. Dengan nama ini yang ditukarkan pada pertengahan tahun 1998 lanjutan daripada krisis yang dibangkitkan oleh Majlis Peguam yang membantah terhadap LAC/AWAM atas masalah LAC/AWAM telah bekerjasama dengan badan bukan kerajaan. Maka, untuk menerangkan bahawa ini adalah merupakan satu projek kerjasama antara Pusat bantuan Perundungan dan AWAM, persetujuan telah dicapai untuk menamakan Klinik ini dengan nama LAC/Perkhidmatan Informasi Perundungan AWAM.
3. Orang Perhubungan:- Satu senarai peguam yang beramat yang bersetuju untuk membantu pelatih dalam kamar Klinik ini untuk memberikan nasihat perundungan mengenai masalah kekeluargaan dan masalah-masalah yang lain, telah disediakan untuk tujuan sebagai "Bahan Rujukan" kepada pelatih dalam kamar ini. Mereka ini adalah merupakan sumber rujukan dan hendaklah digunakan oleh para pelatih dalam kamar yang menghadapi kesulitan di dalam memberikan nasihat yang sebenar kepada para klien. Peguam sukarela di PBP/AWAM telah diminta untuk bersama-sama terlibat di dalam sesi untuk menjadi sumber rujukan.
4. Di akhir sesi penilaian- Penilaianan dan Jamuan Teh. Idea ini telah diperkenalkan untuk mendapatkan segala keberkesanan Klinik, melalui pemerhatian pelatih-pelatih dalam kamar. Pelatih dalam kamar mempunyai peluang untuk meluahkan secara ikhlas tentang segala masalah yang di hadapi di Klinik ini, termasuk mengenai latihan yang telah disediakan di dalam majlis yang tidak rasmi ini. Ianya juga akan memberikan peluang kepada AWAM untuk menyatakan penghargaannya kepada para pelatih dalam kamar yang telah membantu di dalam menjayakan Klinik ini. Di dalam keadaan ini AWAM telah menyediakan satu borang soalan penilaian yang perlu dipenuhi oleh para pelatih dalam kamar.
5. Latihan untuk pelatih dalam kamar- "role-playing" sebagai satu kaedah untuk latihan dan ianya merupakan satu perkara yang perlu dititikberatkan.
6. Tahun 1998 telah menyaksikan perkembangan terhadap Klinik. Pelatih dalam kamar telah diarahkan untuk mengkaji masalah rogol. Ini telah melibatkan banyak pembacaan terhadap kes-kes mahkamah yang lepas. Maklumat yang telah dikumpulkan dan diberikan kepada AWAM, yang mana AWAM telah menwujudkan satu projek yang dikenali sebagai "Pembangunan Ke Arah Satu Masyarakat Yang Bebas dari Keganasan". Projek ini telah melibatkan tiga pengkajian dalaman di dalam masalah rogol, keganasan rumah tangga dan juga penyalahgunaan terhadap wanita di dalam media. Tujuan untuk mengkaji masalah ini adalah untuk membangunkan satu kefahaman masyarakat terhadap bagaimana keadaan mereka yang terlibat di dalam kes rogol, cara berinteraksi dan seterusnya bagaimana keadaan mereka untuk menghadapi mangsa yang terselamat di dalam kes rogol tersebut dan mengenai isu rogol itu sendiri. Dengan membaca kes-kes yang lepas, rekod-rekod perlu disalurkan kepada para pelatih dalam kamar untuk pemahaman lanjut mengenai keberkesanan untuk meminda sesetengah daripada

undang-undang mengenai rogol yang telah disyorkan oleh perkumpulan wanita tersebut pada tahun 1989.

7. Permulaan pertengahan sesi untuk meninjau semula pelatih dalam kamar. Ini bermakna pada setiap 6 minggu di dalam satu sesi, satu pemerhatian tinjauan semula pertengahan sesi akan diadakan dengan kehadiran peguam di dalam Undang-Undang Keluarga dan juga peguam Syariah. Latihan tambahan yang diberikan kepada pelatih dalam kamar ini telah diperkenalkan untuk membolehkan pelatih dalam kamar yang menghadapi masalah dengan Klinik untuk menyelesaikan masalah-masalah di dalam undang-undang serta prosedur dan latihan, terutamanya pada masa ini, mereka seharusnya telah didekah kepada Undang-undang keluarga. Pelatih dalam kamar ini dibenarkan untuk membincangkan hal ini dengan peguam yang berpengalaman terhadap bahagian-bahagian perundungan yang mereka tidak mengetahui atau kurang arif. Ianya adalah amat digalakkan, kerana segala pemerhatian akan memberikan lebih berkualiti terhadap nasihat yang diberikan oleh para pelatih dalam kamar dan juga terhadap klien tersebut. Di dalam pengendalian pelatih-pelatih ini selama 6 minggu, penekanan lebih terhadap masalah syariah, seorang peguam syariah telah dipanggil untuk kedua-dua sesi latihan yang mana ianya untuk menyelesaikan masalah terhadap permintaan peguam yang mahir di dalam masalah Undang-Undang syariah ketika berurusan dengan klien yang beragama Islam yang datang ke Klinik untuk masalah Undang-Undang Syariah.
8. Salah satu projek yang besar yang dianjurkan oleh ahli-ahli Pusat Maklumat Perundungan PBP, adalah untuk membaharui semula Arah panduan PBP, dan untuk menjadikannya satu yang terpenting kepada pelatih dalam kamar di dalam mengendalikan Klinik tersebut. Yang mana ianya akan menekankan mengenai isu Undang-Undang Keluarga dan juga masalah keganasan rumahtangga di dalam kedua-dua perundungan dan nasihat undang-undang. Arah panduan ini telah dengan jayanya dihabiskan dengan segala kerjasama dan usaha dari Khaliza Khalid, yang telah menyiapkan rumusan di dalam undang-undang syariah, yang mana ianya memberikan faedah untuk kedua-dua pelatih dalam kamar di bahagian syariah ataupun bukan syariah. Arah panduan yang baru ini juga menyediakan rujukan-rujukan yang diperlukan terhadap segala persoalan yang akan dipersoalkan oleh klien di dalam masalah kekeluargaan dan jenis-jenis dokumentari yang akan diterima dari klien. Masalah ini telah dimasukkan di dalam arah panduan ini untuk memberikan satu petunjuk dan rujukan kepada pelatih dalam kamar di dalam sesi temubual mereka dengan klien. Arah panduan yang baru ini juga telah memasukkan maklumat di dalam masalah keganasan rumahtangga, di dalam temarinya bagaimana untuk menggunakan arahan perlindungan interim; informasi di dalam undang-undang perburuhan dan juga informasi di dalam gangguan seksual. Satu senarai alamat dan nombor telefon balai-balai polis dan juga organisasi bukan kerajaan ( yang memberikan perlindungan terhadap wanita) telah diberikan dan disediakan. Arah panduan juga ini telah memberikan kepada para pelatih dalam kamar satu pengetahuan asas mengenai undang-undang jenayah dan juga prosedur penyiasatan polis, penahanan dan jaminan.
9. Di dalam usaha untuk menjadikan temubual klien yang kurang selesa di antara pada pelatih dan klien menjadi mudah untuk dilaksanakan, maka borang temubual klien telah memudahkan keadaan. Ini difikirkan perlu kerana sebahagian besar dari klien yang datang ke Klinik selalunya digalakkan untuk meminta nasihat sahaja dan tidak diberikan fail untuk dibuka kepada mereka di PBP. Oleh yang demikian, telah diputuskan borang temubual yang telah dilaksanakan diisikan, supaya fakta kes klien akan dengan mudah diselesaikan dan begitu juga segala nasihat akan dengan mudah untuk diberikan oleh para pelatih dalam kamar. Para pekerja AWAM dan juga penyelia adalah berperanan untuk memerhati segala perlaksanaan yang dilakukan oleh pelatih dalam kamar di dalam menyelesaikan pengisian borang temubual tersebut secara betul. Penggunaan borang ini juga akan menjadikan pengumpulan data statistik dapat diselesaikan kemudian dengan mudah.
10. Satu surat akan dikeluarkan kepada para penyelia sukarela untuk Klinik telah dilaksanakan. Kesannya adalah tidak mempunyai banyak perbezaan. Dari keadaan ini, kita boleh menyatakan bahawa Klinik ini telah mempunyai beberapa orang peguam sukarela yang akan sentiasa berada di klinik ini ataupun yang akan menghadiri AWAM pasa masa Klinik dijalankan. Kesemua sukarela ini akan diberikan satu sesi latihan untuk melengkapkan mereka ini dengan satu pengetahuan asas di dalam satu-satu bahagian undang-undang, terutamanya di dalam Undang-undang keluarga, keganasan rumahtangga dan juga syariah. Kesemua penyelia sukarela ini adalah dilatih untuk memberikan penyeliaan kepada Klinik dan untuk menjadi pelatih kepada pelajar pelatih latihan dalam kamar untuk Klinik pada masa hadapan.

11. Latihan Untuk Pelatih-berlanjutan dari kekurangan peguam yang berpengalaman di dalam undang-undang keluarga atau di dalam bahagian-bahagian undang-undang yang berkenaan, telah diputuskan oleh kami untuk melatih para peguam yang secara sukarela membantu PBP/Pusat Maklumat Perundangan AWAM. Para sukarelawan ini adalah merupakan penyelia kepada pelatih dalam kamar sama ada secara menghadirkan diri di Pusat AWAM itu sendiri ataupun secara dipanggil menghadirkan diri pada waktu tertentu semasa waktu Klinik sedang dijalankan. Seterusnya apa yang lebih penting di sini, untuk menjadi pelatih kepada pelajar pelatih dalam kamar dan juga untuk sentiasa bersedia untuk mengambil kes yang diberikan oleh AWAM. Satu latihan lanjutan telah dianjurkan, yang mana ianya memakan masa selama dua hari. Sesi latihan telah dilakukan oleh Datin Fawziah Begum binti Abu Bakar, seorang pegawai dari Jabatan Kebajikan Kerajaan yang memberikan perbahasan mengenai Aplikasi Praktikal di dalam Akta Keganasan Rumahtangga (DVA). Ianya juga telah kemudiannya tidak diakui di dalam satu seminar mengenai Undang-undang keluarga oleh Puan Foo Yet Ngo. Ms Ivy Josiah dari WAO, telah memberikan satu ucapan atau bahasan mengenai Akta Keganasan Rumahtangga (DVA) dan juga segala masalah-masalah yang terdapat di dalamnya; yang mana didapati selari dengan apa yang diperkatakan oleh Datin. Yasmeen Sharif dari Pertubuhan Peguam-peguam Wanita memberikan pandangan yang lain mengenai Akta Keganasan Rumahtangga (DVA). Kesemua yang diberikan ini telah memberikan manfaat kepada semua yang hadir di seminar ini. Perasaan bahawa Akta Keganasan Rumahtangga adalah merupakan sebahagian dari perundangan yang memerlukan satu perubahan telah dinyatakan di dalam seminar ini dan ianya dilakukan berdasarkan kepada latarbelakang budaya wanita Asia dan juga kekuasaan psikologi kaum lelaki di dalam masyarakat kita ini dan juga, pengubahsuaian terhadap sikap pergantungan kaum wanita dan kekurangan sikap sensitiviti yang diberikan oleh kakitangan yang berkuasa. Yasmeen juga memberikan satu bahasan yang mengilustrasikan asas-asas perundangan syariah. Kitson Foong telah dijemput untuk memberikan bahasan mengenai praktikal undang-undang Jenayah dan En Muhendran Suppiah telah memberikan bahasan mengenai Undang-undang perburuhan, yang mana ianya merupakan satu bahasan yang amat berguna, sebagaimana ianya membahaskan mengenai perubahan baru yang diberikan terhadap Akta Kerja. Yang menjadi perhatian di dalam seminar ini ialah En Ravi Nekoo yang telah bersetuju pada saat akhir untuk memberikan bahasan mengenai Undang-undang Imigrasi. Perbahasannya adalah merupakan satu perbahasan yang amat berguna dan praktikal, sebagaimana dari aspek praktikal dalam undang-undang Imigrasi, ianya telah mencapai satu tahap yang mana telah dengan tidak lagi mengecilkan perundangan itu sendiri. Akhir sekali mengenai latihan yang diadakan ini, Cik Betty Yeoh dari AWAM telah memberikan perbahasan mengenai skil Kaunseling, yang mana ianya amat berguna di dalam temubual bersama klien. Secara keseluruhan dan menjurus kepada kaum wanita yang menghadirkan diri ke Klinik ini adalah disebabkan oleh satu trauma yang dihadapi oleh mereka ini dan adalah penting untuk tidak mengambil satu keputusan yang tidak bersetujuan semasa memberikan nasihat perundangan.

## KEKURANGAN

Masih terdapat beberapa pengaduan bahawa pelajar pelatih dalam kamar perlu diberikan latihan lagi dan para peguam sukarela perlu untuk mendapatkan latihan yang lebih 'sensitisation' termasuk juga di dalam undang-undang substantif termasuk Undang-undang Syariah.

## 1999

Ahli Jawatankuasa AWAM telah berjumpa dengan Wakil AWAM dan telah secara menyeluruh memperkatakan mengenai projek-projek pada tahun-tahun yang berikut.

Kertas kerja kami adalah termasuk:

1. Melatih semula peguam sukarela. Untuk menghadapi masalah kekurangan latihan terhadap Pelatih yang dijalankan pada tahun lepas. Ini termasuklah motivasi, 'Sensitisation' Peguam, skil Kaunseling dan juga mengenai Undang-undang Substantif yang merangkumi kedua-dua undang-undang Sivil dan Syariah.
2. Untuk menjadikan Klinik satu pusat yang menyeluruh kepada krisis-krisis yang tidak pernah putus, contohnya memberikan nasihat perundangan pada satu pusat.

3. Untuk melaksanakan satu sesi nasihat perundangan yang menyeluruh dan mengakar di kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan yang memerlukan. Dengan membawa para peguam kepada kaum wanita yang memerlukan di tempat-tempat tinggal mereka.
4. Satu agenda kaum Wanita untuk satu perubahan.

MAKLUMAT PEMOHON	
Fail yang dibuka	6
Nasihat/Bantuan	69
Jumlah	75

### LAC/PINK TRIANGLE/IKHLAS- PROJECT

Laporan oleh Ketua Projek, Cik Leena Ghosh

Tahun 1998 merupakan suatu tahun yang amat memberangsangkan bagi Projek LAC/Pink Triangle/Ikhlas. Pusat Bantuan Guaman telah dapat membina suatu ikatan yang kukuh dengan Pink Triangle/Ikhlas.

Beberapa perbincangan telah diadakan di antara Pusat Bantuan Guaman dan Pink Triangle/Ikhlas iaitu mengenai bagaimana untuk menubuhkan suatu Klinik Guaman di premis Ikhlas di No 26B, Lorong Haji Taib 3, Chow Kit, yang mana boleh memberikan kemudahan yang selesa kepada semua pihak yang berkenaan.

Berhubung dengan perkara ini, pengumuman telah dikeluarkan kepada para peguam di Kuala Lumpur yang berjumlah lebih kurang 4 ribu orang. Malangnya, hanya sebilangan kecil sahaja yang bermingat iaitu kurang daripada 5 orang sukarelawan yang telah mendaftar untuk membantu Projek Klinik Guaman tersebut.

Namun begitu, suatu sesi pengenalan telah diadakan yang mana golongan transeksual dan bekas pekerja-pekerja seks telah dijemput untuk berkongsi masalah bersama-sama, khususnya mengenai masalah undang-undang dan sosial yang mereka hadapi setiap hari. Sesi pengenalan ini adalah suatu peringatan kepada para peguam bagaimana mereka tiada sebarang kaitan dengan realiti yang dihadapi oleh golongan ini. Sesi pengenalan ini juga adalah difikirkan perlu untuk menghilangkan perasaan prejudis para peguam terhadap golongan ini yang mana ini adalah suatu objektif yang ingin dicapai oleh Projek berkenaan.

Kami amat gembira apabila 4 orang sukarelawan telah membuat keputusan untuk bersama-sama dengan projek ini dan telah menghadiri sesi latihan. Sesi latihan ini telah dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama menggabungkan suatu latihan bagi mendapatkan latihan dalam pelbagai jenis undang-undang untuk menyediakan peguam sukarela yang baru dalam pelbagai jenis undang-undang yang berkemungkinan akan ditanya di Klinik Guaman. Undang-undang mengenai imigresen, hak penjagaan, nafkah, penderaan, penangkapan dan penahanan.

Sesi latihan kedua pula belum lagi dilaksanakan tetapi akan diadakan secepat mungkin. Sesi ini diharapkan dapat memasukkan suatu latihan khas mengenai undang-undang serta peruntukan di dalam perundangan sibil dan syariah di atas perkara seperti sodomia, gay dan lesbian.

Pusat Bantuan Guaman juga telah menghadiri suatu perbincangan yang telah diadakan di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Islam Malaysia di antara ketua-ketua Jabatan Agama Wilayah dari negeri-negeri lain dengan golongan transeksual dari Kuala Lumpur. Ini adalah suatu perbincangan yang digalakkan akibat daripada banyak operasi-operasi sapu yang telah dikendalikan oleh polis/ahli pengukuasa JAWI terutamanya sebelum sukan Komanwel bermula. Perbincangan tersebut telah menunjukkan petanda positif yang mana kedua-dua pihak telah bersetuju agar diadakan lagi sesi dialog dan persefahaman diperlukan dalam menghargai pandangan masing-masing. Adalah dicadangkan supaya Ikhlas mengadakan beberapa sesi bengkel di setiap negeri untuk menyediakan pendidikan dan mewujudkan persefahaman di antara Jabatan Agama Wilayah dengan golongan transeksual dalam negeri masing-masing. Ini termasuklah pengajaran agama dengan cara sensitif terutamanya kepada pandangan golongan transeksual. Pusat Bantuan Guaman juga telah bersetuju untuk membantu golongan transeksual ini dengan memberikan bantuan mitigasi di perbicaraan mereka.

Tahun 1998 juga telah menunjukkan kebangkitan perasaan ketakutan terhadap golongan homoseksual yang mana telah di gembar-gemburkan oleh kenyataan akhbar yang dibuat oleh Pasrah yang dikenali sebagai (Pergerakan Sukarela Rakyat Anti-Homoseksual). Ini telah menimbulkan ketakutan di dalam golongan-golongan terlibat dan Pusat Bantuan Guaman telah cuba membantu dengan menghadiri bengkel untuk memberi penjelasan dan menyampaikan maklumat tentang perundangan ke atas perkara-perkara seperti sodomi serta perbuatan lucu. Pada masa yang sama juga, Pusat Bantuan Guaman cuba mewujudkan suatu perhubungan yang mesra dan sahabat kepada golongan yang mana mereka selalunya dipinggir masyarakat tanpa bantuan guaman.

Pusat Bantuan Guaman turut membantu sekumpulan transeksual yang mana mereka telah di tangkap semasa mengadakan perjumpaan di dewan. Mereka dituduh di bawah Undang-Undang Syariah atas kesalahan 'pondan'. Kes ini masih berjalan dan telah direkodkan oleh Pusat Bantuan Guaman. Perbicaraan akan diadakan pada pertengahan tahun 1999. Ini akan menjadi suatu kes ujian untuk LAC dan diharapkan ia akan menggalakkan golongan berkenaan melaksanakan hak-hak mereka dan bukan hanya mengaku bersalah sahaja selepas ditahan oleh pihak berkuasa atau polis di mana mereka tidak melanggar apa-apa undang-undang.

Pusat Bantuan Guaman juga telah membantu seorang pekerja Ikhlas yang mana dia telah dituduh dengan kesalahan serangan seksual. Pusat Bantuan Guaman turut menyediakan nasihat guaman kepada golongan transeksual ini di atas perkara-perkara pekerjaan.

Bagi tahun 1999, Pusat Bantuan Guaman berharap untuk menumpukan perhatian ke atas Klinik Guaman Pink Triangle/Ikhlas dan juga mengadakan beberapa sesi bengkel di atas perkara-perkara mengenai hak-hak perundangan kepada golongan-golongan berkenaan.

#### **KLINIK PEKERJA ASING PUSAT BANTUAN GUAMAN**

Laporan oleh Ketua Projek, Encik Francis Pereira

##### Ahli Jawatankuasa

En Shanmugam Ramasamy  
Cik Sharmini Thiruchelvam

Cik Irene Fernandez  
Cik Aegile Fernandez

##### Sukarelawan

Cik Megan Seah Parliament  
En Roslin bin Bahtin  
Cik Oh Swee Kar (Kitty)  
Cik Elina Mohamed  
Cik Annie Santiago

Cik Grace Dhillon  
En Chang Kian Yew  
Cik Nachammai  
En Sivarasa Rasiah  
Cik Leena Ghosh

Klinik ini telah beroperasi semenjak penggal tiga suku terakhir 1997. Ia ditubuhkan bersama Tenaganita dan beroperasi di premis Tenaganita di Tingkat 11, Wisma Yakin, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur. Klinik ini memberikan nasihat guaman, bantuan dan perwakilan kepada pekerja-pekerja asing, salah satu daripada kumpulan tersisih yang terbesar di negara ini.

Berikutnya kepada rayuan-rayuan oleh Pusat Bantuan Guaman, klinik ini pada masa ini mempunyai 12 orang peguam sukarela yang membantu sebagai sebahagian daripada jentera penggerak. Peguam sukarela telah diberikan seminar berserta latihan sehari berkenaan keadaan buruh pindah di dalam negara, undang-undang yang memberi kesan ke atas pekerja-pekerja asing dan juga testimoni eksplorasi ke atas pekerja-pekerja asing.

Selepas latihan dua hari yang menyeluruh, Pelajar-Pelajar dalam Kamar memberikan nasihat dan bantuan di dalam pelbagai bidang termasuk mencatatkan aduan-aduan, berhubungan dengan kedutaan-kedutaan asing yang berkaitan, Jabatan Imigresen, bantuan dalam membuat laporan polis, memfailkan aduan di Jabatan Buruh / Jabatan Perhubungan Industri, menyelesaikan rundingan dengan majikan / agen pekerja-pekerja asing, penyelidikan undang-undang yang berkaitan dan sebagainya.

## **Program Pelajar Universiti**

Dalam laporan tahun lalu kita telah membincarakan tentang cadangan kerjasama dengan Universiti Malaya. Menerusi kerjasama ini, yang diutarakan oleh pihak Universiti, penubuhan klinik bantuan guaman di Universiti telah dicadangkan. Kami amat mengalukan kerjasama ini, yang akan mendedahkan penuntut undang-undang kepada konsep bantuan guaman, yang berkemungkinan akan menyumbang ke arah melahirkan peguam yang berkomitmen pada masa hadapan.

Beberapa perbincangan telah diadakan dengan pegawai-pegawai Universiti bagi merancang struktur dan butir-butir program. Program ini sendiri telah ditetapkan untuk memulakan operasi selepas November 1998, yakni setelah fakulti undang-undang berpindah ke premis barunya. Walaubagaimanapun semenjak itu kami tidak dihubungi oleh pihak Universiti. Setelah menghantar beberapa peringatan, yang tidak menerima apa-apa balasan, kami dengan perasaan yang berat terpaksa menangguhan program ini untuk jangkama yang tidak dapat ditentukan.

## **Program Kolej Swasta**

Program ini masih lagi di peringkat perancangan. Buat masa ini kerjasama ini dijalankan dengan Kolej Inti di Subang Jaya. Pelan yang dirancangkan adalah adalah bagi pelajar-pelajar menghadiri kuliah-kuliah taklimat dan selepas itu mereka akan menghadiri klinik-klinik yang dikendalikan oleh Pusat. Ini termasuk klinik luar yang dikendalikan di premis badan-badan bukan kerajaan. Tidak seperti program peguam-pegawai pelatih (kecuali klinik perbicaraan), pelajar akan menghadirkan diri di Pusat untuk jangkama berterusan selama 2/3 minggu.

Kami berharap program yang agak terlewat pelancarannya ini dapat dimulakan dalam tahun ini.

## **D. PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN**

### **1. Kewangan**

Sejumlah RM312,380-00 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Bantuan Guaman Kebangsaan untuk operasi Pusat bagi tahun 1998.

### **2. Kakitangan**

Pusat buat masa ini mempunyai 9 kakitangan sepenuh masa yang terdiri dari Pengarah Eksekutif, Setiausaha Eksekutif, Pegawai Perundangan dan 5 kakitangan program dan kerani.

## **E. AKAUN TAHUNAN**

Sila rujuk kepada penterjemahan Inggeris (Annexure A).

## F. KESIMPULAN

Pihak Pengurusan ingin merakamkan di sini ucapan terima kasih kepada semua peguam sukarela, penyelia, peguam pelatih dan semua yang terlibat dalam pelbagai seminar dan sesi-sesi latihan. Sebolehnya, kami ingin menamakan setiap individu tetapi malangnya ruangan yang terhad ini tidak mengizinkan kami berbuat sedemikian. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Sil Ad, ke atas khidmat pro-bono mereka dalam mereka-bentuk pelbagai risalah dan poster kami.

Penghargaan yang khusus juga perlu direkodkan kepada semua kakitangan LAC seperti berikut : Sharan Gill, Jessie Goh, Manimaran, Chitrah Rajendran, Sheena Manickam, Elizabeth Anne, Siti Zaleha, Shanmugan dan Catherine Kong. Saya telah terlibat dengan LAC Kuala Lumpur dalam pelbagai keadaaan semenjak 1989 namun sebelum ini tidak pernah bertemu dengan satu kumpulan sekerja yang sededikasi mereka seperti yang dipamerkan dalam tahun 1998. Sepanjang beberapa bulan kebelakangan ini saya telah menyaksikan ramai kakitangan yang bekerja hingga lewat dan pada hujung minggu secara rutin tanpa rungutan. Kita telah berasib baik untuk mendapat khidmat mereka ini yang akur dalam semangat dan pemikiran mereka akan panggilan khidmat awam yang diperlukan masyarakat.

Akhir sekali, satu peringatan peribadi daripada saya kepada semua Panel Pengurusan LAC. Sekali lagi, pada pendapat saya, saya belum pernah melihat kumpulan sededikasi ini sekian lama. Ianya amat menggalakkan untuk melihat banyaknya sumbangan tenaga yang datangnya dari golongan muda Majlis Peguam yang walaupun sedang berusaha mendirikan kerjaya mereka namun masih tetap bersedia meluangkan masa untuk tujuan yang mulia. Ini merupakan petanda yang baik bagi masa depan kita semua.

Sivarasa Rasiah  
Pengerusi